


SOALAN LATIHAN BAB 2

1. Berikut merupakan langkah-langkah nyahsulit (*decryption*)

A	Teks sifer akan menjadi teks biasa
B	Penerima akan menerima teks biasa yang dapat di baca
C	Teks sifer yang telah disulitkan akan dinyahsulit menggunakan satu kunci dan algoritma nyahsulit.

Susun langkah itu mengikut urutan yang betul dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.



[3 markah]

2. Teliti mesej berikut

WELCOME

Apakah teks sifer yang terhasil apabila disulitkan menggunakan *reverse cipher*?

_____ [1 markah]

3. Pernyataan berikut adalah tentang kriptografi dalam keselamatan data.

NZHZ RGF VNZH

Nyahsulit pernyataan itu kepada teks biasa dengan menggunakan kaedah *Reverse Cipher*.

_____ [1 markah]

4. Pernyataan berikut adalah mesej biasa yang ingin disulitkan.

ASK SUBJEK MENARIK

Apakah teks sifer yang terhasil apabila pernyataan tersebut disulitkan menggunakan kaedah *caesar cipher* beserta kunci, $K = 4$?

_____ [1 markah]

5. Pernyataan berikut adalah mesej biasa yang ingin disulitkan.

IXKPTDBETG WTMT

Apakah teks biasa yang terhasil apabila pernyataan tersebut dinyahsulitkan menggunakan kaedah *caesar cipher* beserta kunci, $K = 7$?

_____ [1 markah]